



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN (VARSIIT)	MUKA SURAT	:	V54
TARIKH	:	2/8/2018			
JABATAN	:	JTLM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

➔ Berupaya memberi gambaran kedudukan dan imej karang secara lengkap

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Penggunaan kaedah pemetaan tradisional melalui aktiviti menyelam skuba bagi mengenalpasti kedudukan taburan karang dan memperbaiki keadaan organisma laut itu seringkali berdepan kesukaran, ekoran keadaan laut tidak menentu.

Biarpun perkembangan teknologi menyaksikan proses pemetaan karang beralih kepada penggunaan kapal terbang dan satelit untuk merakam imej, kaedah itu memberikan kesan gambar kurang jelas serta terhad disebabkan liputan awan tebal.

Menyedari permasalahan itu, sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), membangunkan metodologi baharu bagi mengatasi kesukaran pemetaan taburan karang dengan menggunakan dron untuk rakaman imej.

Kumpulan itu terdiri daripada Pengarah Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Prof Madya Dr Aidy@Mohamed Shawal M Muslim; Pensyarah Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran, Dr Idham Khalil dan Ketua Program Penyelidikan Ekologi Marin INOS, Prof Madya Dr Zainudin Bachok.

Ikut kesesuaian

Prof Madya Aidy berkata, metodologi baharu itu mula digunapakai pada tahun lalu melalui kerjasama UMT dan Jabatan Taman Laut Malaysia yang menyaksikan pemetaan taburan karang dijalankan di Taman Laut Labuan.

"Dron ini bukan sahaja mampu memberi gambaran kedudukan dan imej karang secara lengkap kerana dilengkapi lima sensor khas, tetapi juga menjimatkan masa pemantauan karang dan membolehkan usaha pemuliharaan dijalankan



Prod Madya Aidy (tengah) dan kumpulan penyelidik menunjukkan dron yang digunakan bagi menjalankan pemetaan taburan karang.

segera.

"Lebih mengujakan, kami mendapati penggunaan dron mampu membezakan bentuk karang hidup, seperti *branching coral*, *massive coral*, *tabular coral* dan *aggregated coral patch*," katanya.

Berkongsi cabaran menggunakan metodologi itu, Prof Madya Aidy berkata, kumpulan penyelidik itu menyediakan prosedur operasi standard bagi

memastikan dron boleh diterbangkan mengikut kesesuaian keadaan.

"Cabaran utama adalah bagaimana kita boleh menggabungkan ribuan gambar yang dirakam dron untuk mendapatkan imej terbaik dan paling jelas di kawasan disasarkan.

"Bagi usaha ini, kita perlu menerbangkan dron mengikut keadaan cuaca, waktu, ketinggian, kelajuan dan laluan yang paling sesuai" katanya.



Imej dirakam drone di sebuah pulau.